



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
JABATAN PERTANIAN 2025**

**21 JULAI 2026 | SELASA
DEWAN SERBAGUNA KPKM, PUTRAJAYA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun bagi menjayakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Pertanian Tahun 2025 pada pagi yang penuh bermakna ini.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan atas kesudian meluangkan masa hadir bagi menyempurnakan majlis ini. Kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri bukan sahaja menyerikan majlis, malah menjadi manifestasi sokongan tidak berbelah bahagi serta pengiktirafan tertinggi Kerajaan terhadap dedikasi warga kerja Jabatan Pertanian sepanjang tahun 2025.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak pengurusan tertinggi Jabatan Pertanian ingin menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada 184 penerima APC bagi tahun 2025. Anugerah yang diterima pada hari ini bukan sekadar sekeping sijil penghargaan atau pengiktirafan individu semata-mata,

sebaliknya ia mencerminkan nilai komitmen, disiplin dan keikhlasan tuan-tuan dan puan-puan dalam melunaskan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.

4. Sesungguhnya, kecemerlangan yang diraikan hari ini adalah hasil daripada ketekunan yang berterusan, kesungguhan yang tidak berbelah bahagi, serta semangat kerja berpasukan yang tinggi. Tuan-tuan dan puan-puan adalah aset terpenting Jabatan yang menjadi enjin penggerak dan pamacu kepada setiap kejayaan yang kita kecapai.
5. Sebagai warga Jabatan Pertanian, kita memikul mandat dan amanah yang amat besar dalam memastikan subsektor tanaman dan agenda agromakanan negara terus kukuh dan berdaya tahan. Peranan kita kini telah melampaui batas tugas teknikal pertanian tradisional. Kita memikul tanggungjawab kritikal dalam membimbing komuniti tani, menjamin kualiti dan keselamatan hasil pertanian serta memastikan setiap rantai perkhidmatan disampaikan kepada rakyat adalah cekap dan berkesan.

6. Sepanjang tahun 2025, Jabatan Pertanian telah melakar pelbagai pencapaian signifikan yang membanggakan, antaranya:

- **Akses Pasaran Baharu:** Kejayaan rasmi menembusi pasaran China bagi pengeksportan buah kelapa segar tempatan, sekali gus meningkatkan pendapatan usahawan tani serta memartabatkan produk pertanian negara di peringkat global.
- **Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB):** Pengiktirafan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara menerusi Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) atas inisiatif memendekkan tempoh kelulusan permit import bijirin sebanyak 50%. Sehingga kini, kelulusan import bagi 126 jenis komoditi bijirin telah dipermudah demi menjamin bekalan bahan mentah industri dan keterjaminan makanan negara; dan
- **Agihan Benih dan Bahan Tanaman:** Langkah proaktif menterjemahkan agenda keterjaminan makanan menerusi pengedaran hampir 7,000 unit benih serta bahan tanaman pelbagai pokok dan sayur-sayuran kepada komuniti di seluruh negara.

7. Peranan setiap daripada kita sebagai barisan hadapan (frontliners) keterjaminan makanan negara kini menjadi semakin kritikal, lebih-lebih lagi dalam mendepani pasang surut cabaran global yang semakin kompleks, terutamanya ketidaktentuan rantaian bekalan makanan akibat impak konflik geopolitik di Asia Barat serta fenomena perubahan iklim yang ekstrem. Kita adalah benteng hadapan yang memastikan rakyat Malaysia terus menikmati akses kepada bekalan makanan yang selamat, berkualiti dan mencukupi.

Sidang hadirin yang dikasihi,

8. Dalam usaha kita memacu kecemerlangan organisasi, satu prinsip utama yang tidak boleh dikompromi sama sekali adalah nilai integriti. Perkhidmatan awam yang cemerlang bukan sahaja diukur melalui output dan keberhasilan kerja semata-mata, malah dinilai melalui tahap akauntabiliti serta kejujuran dalam setiap tindakan kita.
9. Saya ingin menegaskan bahawa setiap keputusan dan gerak kerja kita mesti berlandaskan prinsip profesionalisme yang tinggi. Budaya kerja berintegriti ini perlu subur di setiap

peringkat, bermula daripada pengurusan tertinggi sehingga ke akar umbi di lapangan. Perlu kita ingat bahawa integriti adalah teras kepada kepercayaan rakyat terhadap Jabatan ini, dan tanpa nilai tersebut, segala kejayaan yang kita bina akan hilang nilainya di mata masyarakat.

10. Justeru, bagi memastikan Jabatan Pertanian terus relevan sebagai agensi peneraju subsektor tanaman, kita wajib membudayakan kecemerlangan berterusan (*continuous improvement*) dan sentiasa bersedia untuk melahirkan inovasi baharu. Saya menyeru kepada seluruh warga kerja jabatan untuk terus melipatgandakan mutu perkhidmatan masing-masing melangkaui piawaian yang telah ditetapkan.
11. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menzahirkan penghargaan yang tidak berbelah bahagi kepada seluruh warga Jabatan Pertanian di seluruh pelosok tanah air, termasuklah rakan-rakan sekalian yang tidak menerima anugerah pada hari ini. Walau tidak berada di atas pentas ini, setiap titis keringat dan sumbangan anda, walau sekecil mana sekalipun adalah komponen penting yang menggerakkan

fungsi jabatan. Kejayaan kolektif kita hari ini adalah hasil sinergi dan kerja bersepadu kita semua.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Akhir kata, saya menaruh harapan yang tinggi agar pengiktirafan pada hari ini menjadi pemangkin semangat untuk kita terus berkhidmat dengan penuh dedikasi. Marilah kita bersama-sama memperkukuh azam dan menyatukan tekad dalam memartabatkan sektor pertanian demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran kedaulatan makanan tanah air tercinta.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.